



Metro 23/7/14 MS 24

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**



JAMBANGAN bunga diletakkan di Schiphol Airport, berhampiran Amsterdam, semalam bagi memperingati mangsa tragedi MH17.

Bukan salah MAS

Penerbangan Malaysia (MAS) sekali lagi menjadi perhatian seluruh dunia. Selepas insiden kehilangan pesawat malang MH370 bersama 239 penumpang dan anak kapal yang masih misteri sehingga ke hari ini, pesawat MH17 pula ditembak jatuh hingga mengorbankan 298 penumpang, termasuk anak kapal.

Tatkala MAS terus bergelut untuk memulihkan prestasi syarikat yang dilaporkan terus merudum, nasib MAS seolah-olah sudah jatuh ditimpa tangga apabila dua insiden ini terus memberikan ujian dan cabaran yang cukup getir.

Hakikatnya tiada satu pun syarikat penerbangan di dunia yang melalui detik yang mencabar seperti dilalui MAS kini apabila dalam tempoh lima bulan saja dua insiden besar berlaku sehingga mengorbankan sejumlah besar nyawa, termasuk kru MAS sendiri. Kehilangan dua pesawat, penumpang dan kru kapal dalam jumlah yang cukup besar dalam tempoh lima bulan satu ujian cukup berat dan besar kepada sebuah syarikat penerbangan yang secara relatifnya kecil seperti MAS yang sedang berusaha keras untuk memulihkan kembali reputasi dan imejnya.

Apa yang nyata dalam kedua-dua kejadian ini tidak wajar untuk kita menuding jari dan meletakkan kesalahan kepada MAS. Jelas musibah yang berlaku ini melangkaui kuasa dan kemampuan semua pihak, termasuk MAS sendiri. Mana mungkin kita leka, cuai atau tidak mengambil kira segala aspek keselamatan yang rutin sehingga boleh membawa kepada dua kejadian besar seperti ini. Ini persoalan antara hidup dan mati. Justeru, tidak wajar kita me-

nyalahkan MAS seolah-olah mereka tidak sensitif dan tidak mengutamakan keselamatan nyawa semua penumpang yang terbabit.

MAS milik kita semua

MAS syarikat penerbangan nasional, justeru MAS milik kita semua dan kita perlu mempertahankannya. Janganlah disebabkan dua kejadian yang tidak diingini ini kita terus mencemuh dan memperlekehkan syarikat penerbangan nasional sendiri. Tindakan sesengah pihak yang cuba mengambil kesempatan dan berlagak menjadi hero tidak wajar sama sekali.

Janganlah gunakan isu ini untuk meraih keuntungan politik murahan. Sedarlah bahawa ini isu nasional dan membabitkan imej dan maruah negara. Analoginya sangat mudah, andai kita marah, kecewa mahupun memperlekehkan MAS ia seolah-olah kita marah, kecewa dan juga memperlekehkan negara kita sendiri.

Dalam hal ini apa yang penting ialah kita perlu waras dan bijak membezakan antara isu nasional membabitkan kepentingan rakyat dan negara dan juga isu yang boleh dijadikan modal politik. Bagilah peluang dan ruang kepada pihak kerajaan untuk melaksanakan tugas mereka mengikut perancangan betul dan berhemah.

Bukan mudah untuk menangani isu besar seperti ini yang membabitkan hubungan diplomatik dengan beberapa negara luar. Sekurang-kurangnya kalau kita tidak mampu untuk membantu janganlah pula kita mengganggu

proses pencarian dan penyelamatan yang sedang dilaksanakan.

Berilah juga peluang yang seadilnya kepada MAS untuk memulihkan imej dan prestasi mereka. Dua kejadian ini satu tampan yang cukup hebat dan bukan mudah untuk kita keluar daripada masalah dengan mudah dan cepat.

Proses pemulihan dan penjenamaan semula MAS sudah semestinya akan mengambil satu jangka masa yang cukup panjang. Dan sebagai rakyat yang bertanggungjawab kita perlu menyokong penuh segala usaha dilakukan oleh semua pihak untuk membantu memulihkan prestasi dan kedudukan MAS.

Apapun jangan lupa bahawa MAS tetap syarikat penerbangan yang terbaik yang pernah kita miliki.

Walaupun rugi dan sedang berhadapan dengan ujian serta cabaran yang cukup genting kita perlu terus berdiri teguh di belakang MAS sebagai syarikat penerbangan nasional yang kita banggakan.

Jangan disebabkan dua insiden ini kita lupa segala jasa dan sumbangan MAS kepada masyarakat dan negara selama ini.

Penulis merayu agar janganlah sekali-kali kita melontarkan cemuhan serta menyalahkan MAS di atas dua insiden yang berlaku ini. Ini bukan salah MAS. Sedarlah bahawa MAS, negara kita serta semua mangsa yang terbabit menjadi mangsa keadaan dan tidak perlu kita menuding jari menyalahkan sesama kita.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM

